

Malik takluk Selat Inggeris

Daripada **Zairee Zahir**

BH 4/8/03

DOVER (England): Perenang maraton negara, Abdul Malik Mydin berjaya mencatat sejarah apabila menyempurnakan misi mencabar menyeberangi Selat Inggeris selepas tiba di Calais, di Perancis, jam 7.50 malam waktu tempatan (2.50 pagi waktu Malaysia).

Atlit negara berusia 28 tahun itu mencecah pesisiran pantai Wis-sant selepas mengharungi lautan hampir 18 jam sejak memulakan

kuakan di sini pada jam 9.08 pagi waktu Malaysia (2.08 pagi waktu tempatan).

Malik mula berenang untuk mementasi Selat Inggeris sejauh 32.8 kilometer dari pantai Abbots Cliff, kira-kira 10 kilometer dari sini. Beliau mencipta sejarah selaku perenang pertama negara dan Asia Tenggara mencipta gemilang itu.

Turut mengiringi Malik semalam ialah pegawai Persekutuan Renang dan Pengemudi Selat (CSPF) yang menaiki bot *Aegean Blue* dikemudi

Setiausaha Kehormat CSPF, Michael Oram.

Terdahulu, kata-kata perangsang daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi pencetus semangat kepada perenang maraton negara, Abdul Malik Mydin yang memulakan kuakan mementasi Selat Inggeris, awal pagi semalam.

Perenang berusia 28 tahun itu menerima nota pesanan itu dua kali – pertama sebelum memulakan cabarannya pada jam 8.36 pagi (waktu Malaysia) dan yang kedua jam 2

petang, melalui telefon ketikaatlit itu sudah mula berenang.

Panggilan Dr Mahathir itu diterima pengurus Malik, Rahayu Ahmad yang diminta menyampaikan pesanan kata-kata semangat kepada perenang itu.

Antara yang memberikan perangsang kepada Abdul Malik di tempat permulaan ialah Pengarah Jabatan Hal Ehwal Pelajar Malaysia, Datuk Kamaruddin Mohd Nor, Pegawai Daerah Seberang Prai Utara, Datuk Abdul Ghani Ariffin dan diplomat Malaysia di sini.